

25/04/2003

Selangor tawar Libya kepakaran industri

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Selangor menawarkan kepakaran dalam bidang industri, infrastruktur, pendidikan dan perkhidmatan di samping peluang pelaburan yang menarik kepada kerajaan Libya dan syarikat swasta dari negara itu yang berminat untuk mengadakan kerjasama perdagangan dengan negeri ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, ketika menerima kunjungan hormat delegasi Jawatankuasa Am Rakyat untuk negeri Shabiyat Betnam, Libya di pejabatnya di sini, semalam.

Dr Zainal Abidin berkata, sebagai sebuah negeri yang paling maju di negara ini, Selangor menawarkan banyak peluang pelaburan untuk pelabur luar negara di samping menyediakan kepakaran tempatan dalam pelbagai bidang yang boleh membantu syarikat asing meningkatkan aktiviti ekonomi mereka.

Beliau berkata, Selangor bersedia membantu Libya untuk menerokai pelaburan dalam bidang infrastruktur, Industri, Pendidikan, Perkhidmatan termasuk kesihatan sekiranya negara itu berminat untuk mengadakan kerjasama.

"Setakat ini, kita belum ada sebarang kerjasama antara Selangor dengan Libya. Kunjungan delegasi ini menjadi titik tolak kepada bermulanya satu usaha untuk mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara Selangor dengan Shabiyat Betnam, sebuah negeri yang maju di Libya," katanya.

Beliau berkata, selaras dengan matlamat untuk mencapai negeri maju menjelang tahun 2005, Selangor memberi keutamaan kepada lapan bidang iaitu Pelaburan dan Industri, Pembinaan dan Hartanah, Industri Kecil dan Sederhana serta Keusahawanan, Perkhidmatan dan Pelancongan, Infrastruktur dan Utiliti, Pertanian, Pembangunan Sumber Manusia serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Sementara itu, ketua delegasi, Habib Mohamed Rejad, berkata pihaknya memilih Selangor selepas mendapat jemputan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat negara itu.

Beliau berkata, kunjungan ke Selangor itu bertujuan mempelajari selok-belok pentadbiran kerajaan negeri serta cara Selangor menguruskan pelbagai sektor sehingga mampu berkembang maju dan membangun dengan pesat.